

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.33 (72)
Tarikh : 1 Julai 2015

**Ketua Pengarang
Makkal Osai**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR MAKKAL OSAI BERTAJUK "ARJUNAN RISAU
AKAN MASA DEPANNYA: KESALAHAN BAPA MENJEJASKAN GENERASINYA"
BERTARIKH 29 JUN 2015, ISNIN – M.S: 3**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman, hasil semakan mendapati Encik Arjunan masih belum memiliki dokumen pengenalan diri disebabkan bapa beliau tidak menguruskan pendaftaran kelahiran untuknya. Dimaklumkan juga bahawa, wakil dari MIC bagi pihak Encik Arjunan telah hadir ke JPN Melaka pada 30/06/2015 bagi mendapatkan penerangan berkenaan prosedur pendaftaran lewat kelahiran.

3. Pihak JPN juga telah memberikan borang permohonan Daftar Lewat Kelahiran untuk dilengkapkan dan dikemukakan semula di pejabat JPN yang berdekatan. Jabatan ini bersedia memproses permohonan pendaftaran lewat kelahiran Encik Arjunan setelah semua dokumen dilengkapkan bagi membolehkan ia diproses dan dikeluarkan sijil kelahiran berdasarkan undang – undang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)